

SOALAN NO: 106

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DR. MICHAEL JEYA KUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH :

SOALAN : 106

YB Dr. Michael Jeya Kumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mekanisme bagaimana ubat Sofosbuvir akan diperoleh di Malaysia, berapa kes Hepatitis C yang akan dirawat tahun ini dengan Sofosbuvir dan kos rawatan untuk seorang pesakit.

Tuan Yang di-Pertua,

Kaedah yang telah digunakan untuk meningkatkan akses ubat Sofosbuvir adalah dengan menggunakan Hak Kerajaan (*Rights of Government*) di bawah Akta Paten 1983 (Akta 291) untuk mengeksplorasi rekacipta yang dipatenkan iaitu Sofosbuvir 400mg tablet bagi kegunaan di fasiliti kerajaan (KKM dan Hospital Angkatan Tentera sahaja. Kaedah ini merupakan sebahagian fleksibiliti yang terdapat di dalam perjanjian *Trade-Related Aspects of Intellectual Property Rights* (TRIPS) bersama *World Trade Organization* (WTO).

Pelaksanaan Hak Kerajaan ini adalah usaha Kerajaan untuk meningkatkan akses rawatan penyakit Hepatitis C di Malaysia kerana Hepatitis C merupakan masalah kesihatan awam. Melalui pelaksanaan ini, Kerajaan Malaysia dapat mengimport ubat generik sofosbuvir yang harganya jauh lebih murah berbanding ubat sofosbuvir *innovator* bagi merawat lebih ramai pesakit di Malaysia.

Sebagai permulaan, sekurang-kurangnya 550 orang pesakit dijangka boleh mula dirawat pada tahun 2017. Ubat Sofosbuvir merupakan *backbone therapy* bagi rawatan Hepatitis C di mana ia akan digunakan secara kombinasi bersama dengan ubat *Direct Acting Antivirals (DAAs)* yang lain. Anggaran kos rawatan bagi seorang pesakit bagi kombinasi rawatan sofosbuvir dan daclatasvir menggunakan produk generik adalah sebanyak RM1,350 untuk tempoh rawatan selama 12 minggu.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

SOALAN : 107

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan milimeter hujan yang turun di kawasan Sg.Siput pada 8 September 2017 dan kebarangkalian hujan selebat ini dalam tempoh masa 50 tahun.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada gema radar meteorologi, hujan lebat telah turun di kawasan Sungai Siput pada 8 September 2017 dengan anggaran jumlah hujan yang turun di kawasan tersebut ialah sebanyak 91.0mm.

Berdasarkan jumlah hujan tersebut, kebarangkalian hujan selebat ini untuk berlaku di Sungai Siput ialah sekali dalam tempoh setahun hingga tiga tahun.

Sekian, terima kasih.